



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

MAJLIS PELANCARAN FESTIVAL ANTARABANGSA  
SENI LUKISAN KONTENA PULAU PINANG  
(*PENANG INTERNATIONAL CONTAINER ART  
FESTIVAL*) (PICAF)

### **OLEH**

YANG BERTHORMAT TUAN YEOH SOON HIN  
**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**MERANGKAP Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan**  
**Pelancongan & Warisan & Kebudayaan dan Kesenian**

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**16 FEBRUARI 2020 (AHAD)**  
**7.50 PETANG**

**DATARAN PEMUDA MERDEKA**  
**BUTTERWORTH**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

*Teks Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2020*

## **Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

### **Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan &  
Warisan & Kebudayaan Dan Kesenian

### **Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang  
dan Alam Sekitar

### **Yang Berhormat Tuan Soon Lip Chee**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan

### **Yang Berhormat Tuan Satees a/l Muniandy**

Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Dalam

### **Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **Yang Berusaha Puan Ir. Hj Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

### **Encik Ooi Chok Yan**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Penang Global Tourism

### **Encik Tan Chor Whye**

Ketua Pegawai Eksekutif  
CAN CAN Public Art

### **Encik Jack Wong**

Pengarah Urusan TLM Event

### **Para Artis PICAF 2020**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang yang indah ini dalam **Majlis Pelancaran Festival Antarabangsa Seni Lukisan Kontena Pulau Pinang atau *Penang International Container Art Festival 2020***. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis ini.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan & Warisan & Kebudayaan Dan Kesenian kerana sudi melapangkan masa hadir dan seterusnya melancarkan program pada petang ini. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga kepada Dif-Dif Kehormat dan para hadirin yang dihormati sekalian kerana sudi hadir dan bersama-sama memeriahkan suasana untuk menjayakan program pada petang yang indah ini.

*Penang International Container Art Festival (PICAF)* atau Festival Antarabangsa Seni Lukis Kontena Pulau Pinang adalah merupakan program anjuran bersama *Can Can Public Art PLT* dengan *TLM Event* dan merupakan sebuah acara Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang disokong oleh Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan (PETACH), *Penang Global Tourism (PGT)*, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Saya ucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada pihak penganjur yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya bertuah kerana pada kali ini dua lokasi di Seberang Perai iaitu Aspen Vision City, Batu Kawan dan Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth telah dipilih untuk mempanerkan seni lukisan kontena. Persekitaran kebudayaan dan seni lukis tempatan di Pulau Pinang telah menarik minat ramai daripada dalam dan luar negara dengan aktiviti-aktiviti seni yang mengetengahkan pelbagai acara dan festival seni seperti *Butterworth Fringe Festival* yang diadakan secara dwi-tahunan.

Dalam meneruskan momentum festival-festival seni terkenal di Pulau Pinang, *Penang International Container Art Festival (PICAF)* adalah tarikan terbaru di Pulau Pinang yang dikatakan adalah yang pertama di Asia yang mengetengahkan senilukis *urban* yang dilukis di atas kontena-kontena. Terdapat lima (5) lokasi di Pulau Pinang di mana kontena sebegini ditempatkan. Lokasi pertama yang siap dipasang pada bulan Disember 2019 adalah di Kampung Terang, Balik Pulau. Ini diikuti di kawasan bersebelahan Prangin Mall, Georgetown; Karpal Singh Drive, Jelutong; Aspen Vision City, Batu Kawan; dan yang terbaru di sini Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth. Masing-masing seramai tujuh orang pelukis tempatan dan lima orang pelukis antarabangsa telah dijemput untuk menghasilkan lukisan mural berskala besar, iaitu sebanyak 10 mural semua sekali, di atas dinding-dinding kontena-kontena di setiap lokasi.

Di bawah tema *Penang's Local Identities*, setiap lukisan mural di atas kontena-kontena yang dihasilkan di lokasi menggambarkan elemen-elemen tempatan dan ciri-ciri negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan perasaan kepunyaan (*self belonging*) di kalangan masyarakat setempat dan para pengunjung. Hasil seni yang wujud di kawasan-kawasan awam dan di jalanan boleh menjadi medium penghubung di antara penduduk dengan persekitaran kehidupan mereka (bandar) melalui mesej-mesej relevan yang dilukis oleh para pelukis. MBSP juga banyak berusaha untuk mewujudkan

lokasi-lokasi di Bandar Butterworth dan juga Bukit Mertajam dengan hasil seni yang berkaitan yang boleh menggalakkan pihak awam untuk melibatkan diri, berbincang, mengambil berat serta berinspirasi demi impak yang positif. Para pengunjung juga akan dapat menikmati pengalaman yang amat mengujakan dan mengasyikkan oleh kerana setiap satu hasil seni ini mempunyai daya tarikan unik untuk diamati dan untuk diambil gambar kenangan. Kontena-kontena ini akan dipamerkan di lokasi masing-masing sehingga hujung Bulan Mei 2020.

PICAF bukan sahaja akan mempromosikan seni lukis malah juga kawasan persekitaran lokasi di sini. Para pengunjung boleh meninjau kawasan sekeliling untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang tempat-tempat menarik yang sedia ada di sekeliling seperti di Dataran Pemuda Merdeka dan *Butterworth Art Walk* di Lorong Bagan Luar yang terletak di seberang jalan.

Lorong Bagan Luar 2 merupakan sebahagian daripada Zon Seni dan Budaya Butterworth Art Walk yang telah dijenamakan pada penghujung tahun 2019. Hasil-hasil seni mereka dipamerkan di C Section bermula 1 Februari 2020 sehingga 18 April 2020. Zon Seni dan Budaya Butterworth Art Walk meliputi kawasan berikut:

- i. Sempadan Jalan Heng Choon Tian
- ii. Jalan Dato' Haji Ahmad Said
- iii. Lorong Bagan Luar 1
- iv. Lorong Bagan Luar 2
- v. Lorong Belakang bagi jalan susur Jalan Bagan Luar, Butterworth (bangunan nombor 4105 sehingga bangunan nombor 4108 dan dari bangunan nombor 4185 sehingga bangunan nombor 4223).
- vi. Jalan Bagan Luar
- vii. Jalan Pasar
- viii. Jalan Jeti Lama
- ix. Lorong Belakang bagi jalan susur bangunan Kompleks Bagan dan Bangunan Bazar MARA.

Pameran Art Unites ini merupakan salah satu pengisian komponen bagi Zon Seni dan Budaya di Butterworth Art Walk yang mana ia dapat menjadi medium dalam menarik peminat-peminat seni di wilayah utara untuk berkumpul dan saling bertukar fikiran selain mengeratkan perpaduan di antara mereka dan secara tidak langsung boleh mengalakkan ekonomi.



**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Salah satu program yang dilaksanakan di bawah *Seberang Perai Corporate Priorities 2019* (SPCP) termasuklah memulihkan identiti bandar lama dengan memelihara nilai warisan dan identiti tempatan di samping mewujudkan persekitaran yang mesra dan teratur bagi orang awam seperti di Butterworth ini. Di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu, beberapa program telah diatur dan dilaksanakan sebagai satu inisiatif untuk menghidupkan semula Bandar Butterworth menjadi *liveable city* dan masyarakat akan lebih prihatin dengan tanggungjawab mereka untuk mewariskan persekitaran yang bersih, selamat dan sihat untuk generasi akan datang. Anatar program-program yang diadakan adalah:-

1. Program Temasya Bagan

Temasya Bagan juga bukannya program baru bagi kita. Penganjuran Temasya Bagan ini merupakan salah satu pengisian program selaras dengan pelaksanaan *Butterworth Baharu Regeneration Programme* yang mana meletakkan matlamat penganjuran untuk memangkin pembangunan ekonomi Bandar Butterworth di Konurbasi Wilayah Utara. Temasya Bagan adalah seiring dengan Penang 2030 di bawah

Tema C *'Empower People To Strengthen Civic Participation'*. Program ini membawa perubahan dan penambahbaikan yang dinamik di Bandar Butterworth.

2. *Butterworth Art District* sebagai Zon Warisan

MBSP juga mewujudkan zon kesenian bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti zumba, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. *Butterworth Art Walk* di sepanjang lorong belakang di Jalan Bagan Luar mempamerkan mural dan pemasangan yang cantik dan indah serta memberi gambaran berhubung sejarah Butterworth dengan tujuan mendidik para pengunjung yang melawat kawasan ini.

3. *Butterworth Fringe Festival* (BFF)

*Butterworth Fringe Festival* (BFF) adalah satu program tahunan yang telah diadakan semenjak tahun 2015 dengan mempamerkan persembahan jalanan tempatan dan antarabangsa. Ianya bertujuan untuk merencanakan lagi misi meremajakan Bandar Butterworth dengan menjadikan bandar ini sebagai hub budaya, kreatif dan inovatif. BFF adalah program yang terbuka kepada orang ramai

secara percuma. Tahun ini BFF akan diadakan pada 5 dan 6 Disember 2020 di sini.

MBSP juga telah berkerjasama dengan rakan strategik seperti Think City Sdn. Bhd. untuk mengadakan program *Fun Walk, Fun Ride, I Love Penang Run - Seberang Perai, Province Wellesley Run (PWR)*, Temasya Bagan termasuk *Car Free Evening* dan *Sungai Perai Nature Walk*. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MBSP sentiasa menyokong dan berkerjasama erat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan Seberang Perai sebagai salah satu produk pelancongan yang menarik minat ramai pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

MBSP memberi penekanan kepada pembangunan dan pengembangan industri eko-pelancongan di Seberang Perai di samping memelihara persekitaran semulajadi Seberang Perai melalui penyertaan masyarakat setempat dan tidak terpengaruh dengan permintaan pasaran.

Di Seberang Perai terdapat beberapa kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan pelancongan antaranya adalah kawasan semulajadi seperti Teluk Air Tawar - Kuala Muda, Hutan Pelajaran Air Hitam serta Hutan Lipur di Bukit Panchor, Cherok To' Kun dan Bukit Juru untuk eko-pelancongan seperti aktiviti "*bird watching*". Seberang Perai juga mempunyai juga mempunyai bangunan-bangunan warisan seperti Gereja St Anne dan banyak lagi kawasan-kawasan menarik utk pelancong-pelancong.

Ke arah mempromosikan pelancongan di Seberang Perai, MBSP telah menyediakan dokumentari pendek untuk kawasan tersebut dan juga di dalam proses akhir penyediaan pakej-pakej pelancongan di Seberang Perai. Melalui usaha-usaha ini diharap ianya akan dapat meningkatkan jumlah pelancong-pelancong ke Seberang Perai.

MBSP juga menganjurkan *Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Effort (SPICEC)* setiap dua tahun sejak tahun 2016. Tahun ini merupakan kali ke-tiga persidangan ini akan diadakan iaitu pada 3 dan 4 November 2020. Persidangan ini memberi tumpuan kepada pemuliharaan dan kesedaran serta melihat impak ekonomi eko-pelancongan kepada penduduk setempat. Persidangan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta industri besar tetapi juga untuk menjaga pedagang tempatan. Persidangan ini juga akan menjadi saluran

bagi akademia dan NGO untuk berkongsi pengetahuan dan amalan terbaik mereka tentang bagaimana mempromosikan eko-pelancongan dan pembangunan ekonomi tempatan tanpa menghadkan pemuliharaan alam semula jadi.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12, MBSP telah merangka tiga (3) projek dalam membangunkan sektor pelancongan di Seberang Perai. Projek-projek ini adalah Pembangunan Persisiran Eko-Pelancongan dan Rekreasi di sebahagian lembangan Sungai Perai, Seberang Perai Tengah yang dijangka menelan perbelanjaan sebanyak RM55juta; *Butterworth Creative Centre* dengan kos sebanyak RM5juta; dan Projek Pembangunan Eko-Pelancongan Sungai Muda dengan anggaran kos sebanyak RM33juta. Anggaran kos untuk kesemua projek ini adalah bernilai RM93juta. Pihak MBSP amat mengharapkan agar Kerajaan Negeri dapat meluluskan permohonan peruntukan untuk pelaksanaan projek-projek ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Malam ini juga pihak penganjur mengadakan *Food Truck Party* di Lorong Bagan Luar 1 untuk para pengunjung membeli dan menikmati makanan dan minuman daripada 20 pengusaha *food truck*. Dalam kita menikmati makanan, berhibur dan sebagainya dalam majlis hari ini,

besarlah harapan saya sekiranya pengunjung-pengunjung yang hadir dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan melaksanakan pengasingan sisa dipunca.

Saya menyeru dan amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua peniaga dan pengunjung untuk membuat pengasingan di punca dan memastikan sampah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MBSP dan dilabelkan dengan kategori “*sisa kitar semula*” untuk kertas, plastik, tin, aluminium dan kotak dan “*sisa baki*” untuk sampah kotor dan sisa makanan.

Semua program-program yang dianjurkan ini menepati hasrat dan Wawasan Negeri Pulau Pinang iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga) yang merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada peningkatan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada semua pengunjung dan penduduk sekitar Butterworth dan luar daripada Butterworth kerana bersama-sama menjayakan program-program MBSP dan saya pasti **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow”** dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama dengan MBSP dalam pembangunan Seberang Perai dan memberikan yang yang terbaik untuk kesejahteraan dan kesenangan untuk rakyat.

Dengan ini, saya sudahi dengan ***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Sekian, terima kasih.**